



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**

www.ijmoe.com



**KAJIAN AWAL ADAPTASI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN MULTIMEDIA DALAM
PEMBELAJARAN TEKS SULALATUS SALATIN**

*EARLY STUDY OF TEACHING & LEARNING ADAPTION BY USING
MULTIMEDIA IN TEXT LEARNING OF SULALATUS SALATIN*

Nurul Shuhada Abdul Aziz^{1*}, Norazimah Zakaria²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: shue.shuhada24@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.02.2021

Revised date: 17.02.2021

Accepted date: 22.02.2021

Published date: 05.03.2021

To cite this document:

Aziz, N. S. A., & Zakaria, N. (2021). Kajian Awal Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Multimedia Dalam Pembelajaran Teks Sulalatus Salatin. *Journal of Modern Education*, 3(8), 167-181.

DOI: 10.35631/IJMOE.380014

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sulalatus Salatin di tingkatan enam. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti penggunaan multimedia dalam PdP Sulalatus Salatin dari segi jenis, alat yang digunakan, kemahiran guru dan keperluan kurikulum. Objektif kedua ialah mengkaji sikap murid terhadap penggunaan multimedia dalam pembelajaran Sulalatus Salatin dan yang ketiga menganalisis hubungkait penggunaan multimedia dalam PdP dengan kefahaman murid terhadap teks Sulalatus Salatin menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Pengkaji mengedarkan set soalan soal selidik yang mengandungi 36 soalan yang bersifat tertutup kepada 30 orang murid tingkatan enam di sebuah sekolah di daerah Kuala Kangsar, Perak. Dapatkan kajian menunjukkan sebab utama penggunaan multimedia dalam PdP Sulalatus Salatin dari segi jenis multimedia, alat yang digunakan, kemahiran guru dan keperluan kurikulum adalah kerana penggunaan skrin LCD menyebabkan teks kelihatan lebih besar dan jelas dengan skor min sebanyak 4.433 ($sd = 0.8976$). Untuk objektif kedua, dua sikap murid yang paling dominan dengan skor min sebanyak 4.400 iaitu dengan penggunaan multimedia, tulisan dalam teks Sulalatus Salatin lebih jelas dan mudah dibaca ($sd = 0.7701$), manakala murid melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran teks Sulalatus Salatin ($sd = 0.8944$). Seterusnya, untuk objektif ketiga, hubungkait penggunaan multimedia dengan tahap kefahaman murid terhadap teks Sulalatus Salatin yang paling tinggi ialah murid lebih mudah membaca dan memahami sinopsis pada teks Sulalatus Salatin dengan skor min sebanyak 4.600 ($sd = 0.6215$). Kesimpulannya, kajian ini

dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan tentang kelebihan penggunaan multimedia oleh guru semasa mengajar teks Sulalatus Salatin di tingkatan enam.

Kata Kunci:

Sulalatus Salatin, Multimedia, Tingkatan Enam, Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Abstract:

This study aims to examine the use of multimedia in teaching and learning (PdP) Sulalatus Salatin in form six. The objective of this study is to identify the use of multimedia in PdP Sulalatus Salatin in terms of types, tools used, teacher skills, and curriculum needs. The second objective is to study students' attitudes towards the use of multimedia in Sulalatus Salatin learning and the third to analyze the relationship between multimedia use in PdPc with students' understanding of Sulalatus Salatin text using the Technology Acceptance Model (TAM). The researcher distributed a set of questionnaire questions containing 36 questions that were closed to 30 forms six students at a school in the district of Kuala Kangsar, Perak. The findings show that the main reason for the use of multimedia in PdP Sulalatus Salatin in terms of multimedia type, tools used, teacher skills, and curriculum needs is because the use of LCD screen causes the text to appear larger and clearer with a mean score of 4.433 ($sd = 0.8976$). For the second objective, the two most dominant student attitudes with a mean score of 4.400 that is with the use of multimedia, writing in the text of Sulalatus Salatin is clearer and easier to read ($sd = 0.7701$), while students are actively involved during the teaching of Sulalatus Salatin text ($sd = 0.8944$). Next, for the third objective, the relationship between the use of multimedia with the highest level of students' understanding of Sulalatus Salatin text is that students are easier to read and understand the synopsis on Sulalatus Salatin text with a mean score of 4.600 ($sd = 0.6215$). In conclusion, this study was implemented to provide exposure to the advantages of multimedia used by teachers while teaching Sulalatus Salatin text in form six.

Keywords:

Sulalatus Salatin, Multimedia, Form Six, Technology Acceptance Model (TAM)

Pengenalan

Penggunaan aplikasi teknologi dan multimedia adalah sangat penting dalam semua bidang terutamanya bidang pendidikan. Dalam sistem pendidikan negara, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menerapkan dan mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat semasa sesi pembelajaran dalam bilik darjah. Teknologi ICT telah memberikan kesan yang sangat besar di dalam pertumbuhan dan perkembangan sebuah negara dalam pelbagai sektor. Ini termasuklah bidang pendidikan yang merupakan pusat pendidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan.

Dalam meniti arus kemodenan ini, bahan bacaan tidak hanyat tertumpu kepada bahan bercetak tetapi lebih terarah kepada bahan di alam maya. Hal ini demikian kerana perkembangan dan pertumbuhan bahan bacaan menggunakan multimedia telah menarik perhatian orang ramai.

Penggunaan multimedia dalam pembelajaran dan pengajaran telah diadaptasikan oleh guru semasa sesi pembelajaran di dalam kelas. Melihat perkembangan teknologi di masa kini, bidang pendidikan juga tidak terlepas daripada terkena impaknya. Melihat kepada kepentingan pengajaran menggunakan aplikasi teknologi, kerajaan telah sedaya upaya mempertingkatkan kemudahan komputer dan capaian internet di sekolah - sekolah di seluruh negara.

Kajian ini memberi fokus kepada penggunaan multimedia dalam PdP *Sulalatus Salatin* di tingkatan enam. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenal pasti penggunaan multimedia dalam PdP *Sulalatus Salatin* dari segi jenis, alat yang digunakan, kemahiran guru dan keperluan kurikulum (objektif pertama), mengkaji sikap murid terhadap penggunaan multimedia dalam pembelajaran *Sulalatus Salatin* (objektif kedua). Manakala, objektif ketiga ialah menganalisis hubungkait penggunaan multimedia dalam PdP dengan kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin* menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Kajian ini penting bagi menilai keberkesanan penggunaan multimedia dalam pengajaran mata pelajaran Kesusastraan Melayu di tingkatan enam. Pengkaji telah memilih teks *Sulalatus Salatin* yang diguna pakai oleh murid tingkatan enam. Sebagai seorang pendidik, guru khususnya bagi mata pelajaran Kesusastraan Melayu haruslah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin*.

Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Z, Mahamod & NAM, Noor. (2011) yang bertajuk “*Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu*” bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera Bahasa Melayu (Komsas) dalam karya Abd. Latip (2010) iaitu novel *Istana Menanti*. Pengkaji membangunkan perisian multimedia ini menggunakan Model Hannafin dan Peck (1998) serta Model ASSURE (1996). Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 60 orang guru Bahasa Melayu daripada empat buah sekolah menengah di daerah Muar, Johor dan data dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa perisian multimedia sangat membantu dan memudahkan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah menjadi lebih fleksibel serta efektif. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru bagi melaksanakan pengajaran menggunakan aplikasi multimedia. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam mengaplikasikan multimedia di dalam pengajaran mereka di dalam kelas. Hasil temu bual mendapati bahawa guru menghadapi masalah dalam mempraktikkan pengajaran di dalam kelas menggunakan aplikasi multimedia adalah kerana bebanan kurikulum manakala pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang teknologi maklumat adalah sangat terbatas. Dengan adanya kajian ini, iaanya telah memudahkan guru Bahasa Melayu mengajar dengan menggunakan perisian multimedia pada masa hadapan. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada satu bahan sahaja iaitu novel *Istana Menanti* walaupun banyak lagi bahagian dalam Komsas.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohamad Baharom (2011) yang bertajuk “*Teknologi Komunikasi dan Maklumat dalam Program Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional di Malaysia*” memfokuskan kepada penerimaan serta penggunaan komputer dalam kalangan murid dan guru di sekolah pendidikan khas. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Seramai 119 orang murid dan 55 orang guru daripada tiga buah sekolah telah diberikan borang soal selidik serta dijadikan sebagai sampel untuk kajian ini. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 11.3 for Windows*

(SPSS) untuk menganalisis data hasil dari soal selidik yang telah dijalankan. Skop kajian ini hanya memfokuskan kepada penggunaan komputer dalam proses P&P meliputi pembelajaran dan meliputi pelajar pendidikan khas. Tiga buah sekolah berpendidikan khas telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa guru menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran manakala murid sebaliknya bagi ketiga - tiga buah sekolah tersebut. Tambahan pula, murid pendidikan khas kurang menerima penggunaan komputer semasa proses pembelajaran di dalam kelas kerana kurangnya pendedahan mengenai teknologi maklumat. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penerimaan guru dan murid terhadap penggunaan multimedia, namun pengkaji tidak melihat kepada kemahiran murid itu sendiri dalam menggunakan aplikasi teknologi. Diharapkan dengan adanya kajian ini, pembaharuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi di sekolah pendidikan khas dapat dilaksanakan demi masa depan yang lebih cerah.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Z, Idris (2011) yang bertajuk "*Etnosentrisme Melayu dalam Sulalatus Salatin (Malay Ethnocentrism In Sulalatus Salatin)*" membincangkan tentang persoalan yang berhubung dengan etnosentrisme dalam peribumi Melayu yang terdapat di dalam teks *Sulalatus Salatin*. *Sulalatus Salatin* merupakan sebuah teks yang diteliti secara intrinsik bagi mengesan serta meneliti unsur - unsur yang dapat mengangkat 'etnosentrisme' yang terdapat di dalamnya. Pengkaji mengesan unsur etnosentrisme melalui aspek bahasa (penggunaan metafora, perlambangan, retorik serta pemilihan diksi) yang menjadi wahana kepada pengarang silam bagi menzahirkan segala perasaan dan emosi mereka berhubung dengan peristiwa peperangan yang terdapat di dalam teks. Dapatkan kajian mendapati hal ini bersesuaian dengan pandangan William Graham Sumner yang merujuk istilah etnosentrisme sebagai kelompok sendiri adalah pusat segalanya. Selain itu, setiap aspek adalah berbeza dengan pandangan pusat yang dianggap sebagai suatu kelemahan. Pengarang teks *Sulalatus Salatin* meletakkan peribumi Melayu Melaka sebagai etnik yang jauh lebih mulia dan beradab daripada orang Portugis. Kajian ini telah merungkai persoalan tentang unsur etnosentrisme di dalam teks *Sulalatus Salatin*. Secara keseluruhan, kajian ini mendapat penemuan yang baik dalam mencari unsur etnosentrisme yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada satu unsur sahaja yang terdapat di dalam teks *Sulalatus Salatin*.

Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Lajiman Janoory et.al (2020); Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019); Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Nur Farahkhanna Mohd Rosli (2020); Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Alizah Lambri (2019) turut membincangkan tentang teks *Sulalatus Salatin* sama ada dari segi kepengarangan dan unsur-unsur intrinsik teks. Kajian-kajian ini diterbitkan dalam jurnal dan menggunakan analisis deskriptif teks berdasarkan teori sastera. Manakala Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Norazilawati Abdullah et.al (2020) turut membincangkan tentang penggunaan multimedia dalam penulisan artikelnya. Artikel tersebut melihat bagaimana penggunaan multimedia dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid di sekolah rendah bagi subjek Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, penyampaian dari segi bahasa dan gaya penulisan juga menarik serta mudah difahami. Penulis telah menganalisis teks secara terperinci untuk mendapatkan hasil kajian yang terbaik.

Di samping itu, artikel yang ditulis oleh Ishak, M. S (2014) membincangkan tentang tahap penerimaan dan kegunaan maklumat berkaitan dengan perspektif agama Islam di internet

berdasarkan Model Penerimaan Teknologi atau dikenali dengan nama *Technology Acceptance Model* (TAM). Pengkaji mengumpul data kajian menggunakan kaedah berbentuk kuantitatif melalui set borang soal selidik. Seramai 1180 orang responden yang terdiri daripada pengguna internet dari latar pendidikan agama Islam telah diberikan set borang soal selidik. Seramai 1180 orang responden yang dipilih terdiri daripada 63.7% perempuan dan 36.3% lelaki yang berumur antara 23 hingga 38 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan berpendidikan agama menerima dan menggunakan maklumat berkaitan agama Islam di internet kerana ianya mudah diperolehi. Responden menerima penggunaan medium internet sebagai alat komunikasi maklumat berkaitan agama. Sebanyak 21.7% varians penerimaan maklumat berkaitan Islam dapat diterangkan oleh tanggapan internet mudah diguna, tanggapan internet berguna dan kesediaan menerima guna maklumat berkaitan Islam. Melalui kajian ini, penerimaan ini membuktikan bahawa internet merupakan medium perhubungan dan komunikasi maklumat merentasi bidang ilmu. Meskipun responden yang dikaji oleh penulis terdiri daripada pengguna internet dari latar pendidikan agama Islam, namun semua proses itu masih diperlukan kerana masih terdapat responden yang tidak mempunyai akses internet yang baik di kawasan mereka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik jenis tertutup. Kajian ini menggunakan soal selidik jenis tertutup berbentuk skala likert. Dengan menggunakan instrumen set soal selidik ini, kajian ini dapat mengetahui bagaimakah penggunaan multimedia ini dapat memudahkan pengajaran guru dan pemahaman murid untuk belajar teks *Sulalatus Salatin*. Soal selidik ini dibina berdasarkan rujukan terhadap kajian-kajian lepas. Kandungan set soal selidik ini tidak akan membebankan murid-murid tingkatan enam yang terlibat. Soalan soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 11.3 for Windows* (SPSS).

Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu demografi murid (bahagian A), penggunaan multimedia dalam PdP *Sulalatus Salatin* (bahagian B), sikap murid terhadap penggunaan multimedia dalam pembelajaran *Sulalatus Salatin* (bahagian C) dan hubungkait penggunaan multimedia dalam PdP dengan kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin* (bahagian D). Bahagian B merupakan objektif pertama dan bahagian C adalah soalan untuk menjawab objektif kedua. Manakala, bahagian D merupakan objektif ketiga untuk kajian ini. Soal selidik ini mengandungi 36 soalan yang bersifat tertutup. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan di dalam set soal selidik dengan teliti. Persampelan bagi kajian ini hanya melibatkan 30 orang murid tingkatan enam yang mengambil mata pelajaran Kesusastraan Melayu. Seramai 30 orang murid tersebut merupakan campuran lelaki dan perempuan daripada sebuah sekolah di daerah Kuala Kangsar, Perak.

Dapatan Kajian**Penggunaan Multimedia Dalam PdP Sulalatus Salatin****Jadual 1 : Analisis Deskriptif Penggunaan Multimedia Dalam PdP Sulalatus Salatin.**

Statistik Deskriptif						
Bil	Soalan	N	Median	Varians	Min	Sisihan Piawai (sd)
1	Pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> yang disampaikan dalam bentuk audio, video dan animasi dapat menarik minat saya untuk terus fokus di dalam kelas.	30	4.000	0.668	4.233	0.8172
2	Penggunaan audio dan video semasa pembelajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> di dalam kelas meningkatkan lagi kefahaman saya tentang topik pembelajaran.	30	5.000	0.851	4.333	0.9223
3	Penggunaan aplikasi multimedia dalam pembelajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> membolehkan saya mengulangkaji pembelajaran berulang kali.	30	5.000	0.713	4.333	0.8442
4	Penggunaan skrin LCD memudahkan proses pembelajaran kerana teks nampak lebih jelas.	30	5.000	0.806	4.433	0.8976
5	Penggunaan internet dapat memudahkan saya untuk mendapatkan maklumat tanpa perlu mengharapkan bantuan daripada guru.	30	5.000	0.654	4.367	0.8087
6	Penggunaan bilik komputer memudahkan saya untuk menimba ilmu pengetahuan secara dalam talian.	30	5.000	0.662	4.400	0.8137
7	Kemahiran berkomunikasi antara guru dan murid semasa mengendalikan sesuatu aktiviti pembelajaran berbentuk permainan, kuiz dan forum adalah penting.	30	5.000	0.713	4.333	0.8442
8	Kemahiran guru dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi semasa PdP akan	30	5.000	0.851	4.333	0.9223

	meningkatkan motivasi murid untuk terus belajar.					
9	Kemahiran dalam menggunakan multimedia semasa PdP teks <i>Sulalatus Salatin</i> merupakan tambah nilai seseorang guru.	30	4.500	0.700	4.300	0.8367
10	Penggunaan multimedia dapat meningkatkan penguasaan ilmu teknologi murid selari dengan matlamat wawasan negara dalam mencapai status negara maju.	30	5.000	0.800	4.400	0.8944
11	Penggunaan multimedia boleh meningkatkan nilai murni dalam diri murid melalui pembelajaran secara koperatif (membantu antara satu sama lain).	30	5.000	0.654	4.367	0.8087
12	Penggunaan multimedia yang mengandungi pengetahuan dan kemahiran boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.	30	5.000	0.792	4.367	0.8899

Sebab yang paling dominan dalam penggunaan multimedia semasa PdP *Sulalatus Salatin* kerana penggunaan skrin LCD telah memudahkan proses pembelajaran dengan skor min adalah 4.433 ($sd = 0.8976$). Hal ini demikian kerana tulisan atau teks nampak lebih besar dan jelas. Ini juga menjadi sebab paling utama mengapa penggunaan multimedia wajib dilaksanakan semasa proses pembelajaran. Seterusnya, sebab yang kedua tertinggi ialah penggunaan bilik komputer memudahkan murid untuk menimba ilmu pengetahuan secara dalam talian dengan skor min sebanyak 4.400 ($sd = 0.8137$) dan penggunaan multimedia dapat meningkatkan penguasaan ilmu teknologi murid selari dengan matlamat wawasan negara dalam mencapai status negara maju dengan skor min sebanyak 4.400 ($sd = 0.8944$). Untuk sebab yang ketiga tertinggi adalah penggunaan internet dapat memudahkan saya untuk mendapatkan maklumat tanpa perlu mengharapkan bantuan daripada guru dengan skor min sebanyak 4.367 ($sd = 0.8087$) dan penggunaan multimedia boleh meningkatkan nilai murni dalam diri murid melalui pembelajaran secara koperatif (membantu antara satu sama lain) dengan skor min 4.367 ($sd = 0.8087$). Manakala, penggunaan multimedia yang mengandungi pengetahuan dan kemahiran boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian dengan skor min sebanyak 4.367 ($sd = 0.8899$).

Tambahan lagi, diikuti dengan empat sebab mengapa penggunaan multimedia ini patut dilaksanakan dalam pembelajaran dengan skor min sebanyak 4.333 iaitu penggunaan audio dan video semasa pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* di dalam kelas meningkatkan lagi kefahaman saya tentang topik pembelajaran dengan nilai $sd = 0.9223$ serta penggunaan aplikasi multimedia dalam pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* membolehkan saya mengulangkaji pembelajaran berulang kali dengan nilai $sd = 0.8442$. Malahan, kemahiran berkomunikasi antara guru dan murid semasa mengendalikan sesuatu aktiviti pembelajaran berbentuk permainan, kuiz dan forum adalah penting dengan skor min sebanyak 4.333 ($sd = 0.8442$). Kemahiran guru dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi semasa PdP akan meningkatkan motivasi murid untuk terus belajar dengan skor min sebanyak 4.333 ($sd = 0.9223$).

Seterusnya, sebab mengapa multimedia perlu diaplikasikan dalam pembelajaran adalah kerana kemahiran dalam menggunakan multimedia semasa PdP teks *Sulalatus Salatin* merupakan satu tambah nilai seseorang guru dengan skor min sebanyak 4.300 ($sd = 0.8367$). Akhir sekali, sebab yang mempunyai nilai min terendah adalah 4.233 ($sd = 0.8172$) iaitu pengajaran teks *Sulalatus Salatin* yang disampaikan dalam bentuk audio, video dan animasi dapat menarik minat saya untuk terus fokus di dalam kelas. Jelas menunjukkan bahawa penggunaan skrin LCD telah memudahkan proses pembelajaran adalah sebab yang paling dominan kerana mempunyai skor min yang tertinggi dalam kajian ini.

Sikap Murid Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pembelajaran Sulalatus Salatin

Jadual 2 : Analisis Deskriptif Sikap Murid Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pembelajaran *Sulalatus Salatin*.

Statistik Deskriptif						
Bil	Soalan	N	Median	Varians	Min	Sisihan Piawai (sd)
1	Maklumat pada teks <i>Sulalatus Salatin</i> yang dipersembahkan melalui multimedia kelihatan lebih mudah dan menarik.	30	5.000	0.654	4.367	0.8087
2	Dengan penggunaan multimedia, tulisan dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> lebih jelas dan mudah dibaca.	30	5.000	0.593	4.400	0.7701
3	Penggunaan warna dan animasi pada teks <i>Sulalatus Salatin</i> dapat memudahkan saya membaca teks.	30	5.000	0.851	4.333	0.9223
4	Saya lebih suka apabila guru mengajar <i>Sulalatus Salatin</i> menggunakan multimedia berbanding menggunakan buku teks.	30	4.000	0.631	4.300	0.7944
5	Saya melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> sekiranya penggunaan multimedia dilaksanakan.	30	5.000	0.800	4.400	0.8944
6	Saya sentiasa bersemangat untuk belajar apabila guru menggunakan multimedia semasa pengajaran <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	4.000	0.506	4.333	0.7112

7	Saya lebih seronok belajar tentang <i>Sulalatus Salatin</i> dengan menggunakan multimedia.	30	5.000	0.792	4.367	0.8899
8	Penggunaan multimedia pada teks <i>Sulalatus Salatin</i> membuatkan imaginasi dan kreativiti saya meningkat.	30	4.500	0.575	4.333	0.7581
9	Pembelajaran <i>Sulalatus Salatin</i> menggunakan multimedia menggerakkan setiap deria saya untuk terlibat sama dalam proses pembelajaran.	30	5.000	0.769	4.300	0.8769
10	Elemen-elemen dalam multimedia dapat membantu menyampaikan isi pengajaran <i>Sulalatus Salatin</i> dalam bentuk yang lebih menarik berbanding buku.	30	4.000	0.631	4.300	0.7944
11	Elemen-elemen multimedia membantu saya memahami konsep pembelajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> dengan mudah dan berkesan.	30	5.000	0.782	4.333	0.8841
12	Bahan multimedia yang digunakan relevan dengan objektif pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	4.000	0.506	4.333	0.7112

Terdapat dua sikap murid terhadap penggunaan multimedia dalam pembelajaran *Sulalatus Salatin* yang paling dominan dengan skor min sebanyak 4.400 iaitu dengan penggunaan multimedia, tulisan dalam teks *Sulalatus Salatin* lebih jelas dan mudah dibaca ($sd = 0.7701$), manakala murid melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran teks *Sulalatus Salatin* sekiranya penggunaan multimedia dilaksanakan ($sd = 0.8944$). Seterusnya, sikap murid terhadap penggunaan multimedia kedua tertinggi ialah maklumat pada teks *Sulalatus Salatin* yang dipersembahkan melalui multimedia kelihatan lebih mudah dan menarik dengan skor min sebanyak 4.367 ($sd = 0.8087$) malahan dengan skor min yang sama, murid lebih seronok belajar tentang *Sulalatus Salatin* dengan menggunakan multimedia ($sd = 0.8899$).

Tambahan lagi, terdapat lima sikap murid dengan skor min (4.333) ketiga tertinggi iaitu penggunaan warna dan animasi pada teks *Sulalatus Salatin* dapat memudahkan murid membaca teks ($sd = 0.9223$), murid sentiasa bersemangat untuk belajar apabila guru menggunakan multimedia semasa pengajaran *Sulalatus Salatin* ($sd = 0.7112$), penggunaan multimedia pada teks *Sulalatus Salatin* membuatkan imaginasi dan kreativiti murid meningkat ($sd = 0.7581$), elemen - elemen multimedia membantu murid memahami konsep pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* dengan mudah dan berkesan ($sd = 0.8841$) dan akhir sekali, bahan multimedia yang digunakan relevan dengan objektif pengajaran teks *Sulalatus Salatin* ($sd = 0.7112$).

Malahan, diikuti dengan tiga sikap murid dengan skor min (4.300) yang terendah iaitu murid lebih suka apabila guru mengajar *Sulalatus Salatin* menggunakan multimedia berbanding menggunakan buku teks ($sd = 0.7944$) dan pembelajaran *Sulalatus Salatin* menggunakan multimedia menggerakkan setiap deria murid untuk terlibat sama dalam proses pembelajaran ($sd = 0.8769$). Akhir sekali, elemen - elemen dalam multimedia dapat membantu menyampaikan isi pengajaran *Sulalatus Salatin* dalam bentuk yang lebih menarik berbanding buku ($sd = 0.7944$).

Hubungkait Penggunaan Multimedia Dalam PdPc Dengan Kefahaman Murid Terhadap Teks Sulalatus Salatin

Jadual 3 : Analisis Deskriptif Hubungkait Penggunaan Multimedia Dalam PdPc Dengan Kefahaman Murid Terhadap Teks Sulalatus Salatin.

Statistik Deskriptif

Bil	Soalan	N	Median	Varians	Min	Sisihan Piawai (sd)
1	Penggunaan multimedia menyumbang kepada penyampaian maklumat yang lebih jelas berkaitan tema dan persoalan yang terdapat dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	5.000	0.602	4.533	0.7761
2	Penggunaan multimedia meningkatkan kemahiran saya dalam mencari tema dan isi utama yang ingin disampaikan oleh penulis.	30	4.000	0.386	4.400	0.6215
3	Pembelajaran melalui multimedia dapat mengukuhkan pemikiran saya dalam menilai isi utama yang terdapat dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	5.000	0.700	4.300	0.8367
4	Saya mudah mengingati plot atau jalan cerita apabila menggunakan audio dan video semasa pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	4.500	0.392	4.433	0.6261
5	Dengan penggunaan multimedia, saya lebih mudah membaca dan memahami sinopsis serta plot cerita pada teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	5.000	0.386	4.600	0.6215
6	Dengan penggunaan multimedia, teks <i>Sulalatus Salatin</i> menjadi lebih ringkas dan mudah dibaca.	30	4.500	0.455	4.400	0.6747

7	Dengan penggunaan audio dan video, saya lebih mudah mengenali perwatakan yang terdapat pada setiap watak di dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	5.000	0.654	4.367	0.8087
8	Saya merasakan bahawa penggunaan gambar dan animasi lebih memudahkan saya memahami watak dan perwatakan yang terdapat dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	4.500	0.455	4.400	0.6747
9	Dengan penggunaan audio dan video, saya dapat menjiwai dan memahami watak di dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> .	30	5.000	0.392	4.567	0.6261
10	Saya lebih mudah memahami mesej dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh penulis dengan penyampaian teks <i>Sulalatus Salatin</i> dalam bentuk video dan animasi.	30	5.000	0.461	4.433	0.6789
11	Penggunaan multimedia semasa pengajaran <i>Sulalatus Salatin</i> membolehkan saya mempraktikkan nilai dan pengajaran ke dalam kehidupan sehari-hari saya.	30	5.000	0.823	4.267	0.9072
12	Saya merasakan bahawa penggunaan multimedia dalam pembelajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i> dapat meningkatkan nilai kerjasama yang melibatkan interaksi dua hala antara murid dan guru.	30	4.500	0.700	4.300	0.8367

Hubungkait penggunaan multimedia dalam PdPc dengan tahap kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin* yang paling tinggi ialah murid lebih mudah membaca dan memahami sinopsis serta plot cerita pada teks *Sulalatus Salatin* dengan skor min sebanyak 4.600 ($sd = 0.6215$). Seterusnya, tahap kefahaman murid terhadap teks *Sulalatus Salatin* yang kedua tertinggi ialah dengan penggunaan audio dan video, murid dapat menjiwai dan memahami watak di dalam teks *Sulalatus Salatin* dengan skor min sebanyak 4.567 ($sd = 0.6261$). Selain itu, tahap kefahaman murid yang ketiga tertinggi ialah penggunaan multimedia menyumbang kepada penyampaian maklumat yang lebih jelas berkaitan tema dan persoalan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* dengan skor min sebanyak 4.533 ($sd = 0.7761$). Tambahan lagi, tahap kefahaman murid yang keempat tertinggi dengan skor min sebanyak 4.433 ($sd = 0.6261$) ialah murid mudah mengingati plot atau jalan cerita apabila menggunakan audio dan video semasa pengajaran teks *Sulalatus Salatin*. Murid lebih mudah memahami mesej dan pengajaran yang

ingin disampaikan oleh penulis dengan penyampaian teks *Sulalatus Salatin* dalam bentuk video dan animasi dengan skor min sebanyak 4.433 (sd = 0.6789).

Tambahan lagi, diikuti dengan tiga tahap kefahaman murid dengan skor min sebanyak 4.400 iaitu penggunaan multimedia meningkatkan kemahiran murid dalam mencari tema dan isi utama yang ingin disampaikan oleh penulis (sd = 0.6215), teks *Sulalatus Salatin* menjadi lebih ringkas dan mudah dibaca (sd = 0.6747) dan penggunaan gambar atau animasi lebih memudahkan murid memahami watak serta perwatakan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* (sd = 0.6747). Manakala, berada di kedudukan keenam tertinggi bagi kategori tahap kefahaman murid ialah murid lebih mudah mengenali perwatakan yang terdapat pada setiap watak di dalam teks *Sulalatus Salatin* dengan skor min sebanyak 4.367 (0.8087).

Selain itu, berada di kedudukan ketujuh tertinggi bagi kategori tahap kefahaman murid dengan skor min sebanyak 4.300 ialah dapat mengukuhkan pemikiran murid dalam menilai isi utama yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* (sd = 0.8367) dan murid merasakan bahawa penggunaan multimedia dalam pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* dapat meningkatkan nilai kerjasama yang melibatkan interaksi dua hala antara murid dan guru (sd = 0.8367). Akhir sekali, tahap kefahaman murid dengan nilai min terendah iaitu 4.267 (sd = 0.9072), murid dapat mempraktikkan nilai dan pengajaran ke dalam kehidupan sehari-hari.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan huraiyan yang telah dinyatakan oleh pengkaji, ini telah membuktikan bahawa penggunaan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas adalah penting. Penggunaan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas adalah sangat popular dalam kalangan guru pelatih mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasil dapatan data kajian diperoleh melalui soal selidik mendapati seramai 25 daripada 30 orang murid (83%) yang bersetuju bahawa pengajaran teks *Sulalatus Salatin* yang disampaikan dalam bentuk audio, video dan animasi dapat menarik minat saya untuk terus fokus di dalam kelas. Selain itu, dapat dibuktikan bahawa terdapat hubungan di antara penggunaan multimedia dengan tahap kefahaman murid terhadap pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* di dalam kelas.

Guru memainkan peranan yang penting dalam pemilihan penggunaan aplikasi multimedia yang sesuai. Penggunaan multimedia yang sesuai dengan tajuk pengajaran adalah sangat penting ketika sesi pengajaran di dalam kelas. Hal ini demikian kerana penggunaan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas banyak membantu murid untuk memahami isi kandungan pengajaran yang diajarkan pada hari tersebut. Dengan kajian ini, pengkaji dapat mengetahui kekerapan dan jumlah penggunaan multimedia semasa pengajaran di dalam kelas. Penyelidik berharap penulisan cadangan penyelidikan ini mampu dijadikan sebagai panduan kepada semua penyelidik yang menjalankan kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran menggunakan multimedia dalam pembelajaran teks *Sulalatus Salatin* di tingkatan enam. Diharapkan dengan kajian ini, dapat menyumbang kepada ilmu baru dan menambah baik penggunaan multimedia oleh guru semasa proses pengajaran di dalam kelas, khususnya pengajaran dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan enam.

Acknowledgement

This research has been carried out under Fundamental Research Grants Scheme (2020-0246-107-02 (FRGS/1/2020/SSI0/UPSI/02/43)) provided by Ministry of Education of Malaysia.

The authors would like to extend their gratitude to Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) that helped managed the grants.

Rujukan

- Abd. Latif Haji Gapor. (2006). Domain Penilaian Dalam Teknologi Pendidikan. Tanjung Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Ghani, M. T., Wan Daud, W. A. A., & Jaffar, M. N. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab Di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (Tam). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84-94. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/109>
- Abdul Razak, Rafiza; Abdul Rahman, Maryam. (2017). "Pembinaan Media Pengajaran Berasaskan Multimedia Di Kalangan Guru Ictl" dlm Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, [S.I.], v. 1, n. 2, p. 20-31, oct. ISSN 2289-3008. Available at: <https://juku.um.edu.my/article/view/7952>
- Abdullah, S. F. L., & Bahaman, B. (2017). "Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni" dlm Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 5(1), 213 - 232. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/54>
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusastraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>
- Ali, A. H. (2012). "Pengkisahan Semula Cerita dalam Kesusastraan Melayu Tradisional" dlm PERADABAN Jurnal Peradaban Melayu, 7, 109-124. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3197>
- I, Destiana., A, Salman., & MHA, Rahim. (2013). "Penerimaan Media Sosial: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang" dlm Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication, 29(2), 125-140. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15016>
- Ishak, M. S. (2014). "Pemodelan Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam Di Internet: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (Tam)" dlm *Journal of Techno Social*, 6(2). Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1119>
- Jaffar, S. R. A., Sujud, A., Noor Muhammad , S. J., & Kamarudin, K. (2017). "Kawasan Sejarah Dari Perspektif Budaya Dalam Teks Sulalatus Salatin Sejarah Melayu Dan Misa Melayu" dlm Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 5(1), 233 - 265. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/55>
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Norazilawati Abdullah, Mohd Amir Mohd Zahari, Dian Syahfitri, Norfaizah Abdul Jobar, Mohd Nazir Md Zabit. (2020). "The Use Of Multimedia Materials To Develop Higher Order Thinking Skills In Writing Of Bahasa Melayu Essay Among Orang Asli Primary School Students" in Solid State Technology. Volume: 63 Issue: 6
- Mohamad, Baharom. (2011). "Teknologi Komunikasi dan Maklumat dalam Program Pendidikan Khas Aliran Teknik dan Vokasional di Malaysia in ATIKAN" dlm *Jurnal Kajian Pendidikan*, Vol.1(1) Juni, pp.41-58. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI in Bandung, ISSN 2088-1290. Retrieved from <http://journals.mindamas.com/index.php/atikan/article/view/105>
- Mohamed Yusoff, Ahmad Fkrudin. (2014). "Pembangunan Perisian Pengajaran Dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pengurusan Jenazah Politeknik Malaysia" dlm

Online Journal Of Islamic Education, [S.l.], v. 2, n. 2, aug. 2017. ISSN 2289-3016.
Retrieved from <https://ojie.um.edu.my/article/view/5467>

Mok Moon Sang. (2010). Literatur dan Kaedah Penyelidikan. Ipoh, Perak : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Lajiman Janoory, Mohd Amir Mohd Zahari and Abdul Halim Ali. (2020). “Author’s Ethicsin The Writing Of Traditional Malay Literature” in Hamdard Islamicus, Vol. 43 No. S.2 (2020), p. 1998-2008. <https://hamdardfoundation.org/hamdard Islamicus>

Othman Lebar. (2012). Kajian Tindakan dalam Pendidikan. Tanjung Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris

Rozinah Jamaludin. (2005). Multimedia Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sulalatus Salatin. (1996). A.Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka SZ, Salsidu., MNA, Azman., & H, Pratama. (2018). “Trend Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif Dalam Bidang Pendidikan Teknikal : Satu Sorotan Literatur” dalam UTM SAINS HUMANIKA, 10(3), 21-27. Retrieved from <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/600>

UA, Hasran., NFA, Jalil., R, Din., WRW, Daud. & SFM, Noor. (2019). “Pendidikan Teknologi Multidisiplin: Mengenali Sel Fuel Dengan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan” dlm ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE), 11(2), 36-54. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ajtlhe/article/view/37904>

Z, Idris. (2011). “Etnosentrisme Melayu Dalam Sulalatus Salatin (Malay Ethnocentrism In Sulalatus Salatin)” dlm Jurnal Melayu, 7, 107-120. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5005>

Z, Mahamod & NAM, Noor. (2011). “Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu” dlm GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11(3), 163-177. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/48>

Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). “Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu”. International Journal of Modern Trends in SocialSciences, 3 (12), 01-12. DOI: 10.35631/IJMTSS.312001

Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Alizah Lambri, Nordiana Hamzah and Normarini Norzan. (2019). “The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind” in Journal of Advance Research in Dynamical & Control Systems, Vol. 11, SpecialIssue-07

Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Hasrina Baharum and Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin. (2020). “The Universality of the Similarities and Differences between Malay and Chinese Mythologies” in TEST Engineering and Management Jurnal. March-April 2020. P.1543 – 1548

Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019). Mythical Elements Based on Traditional Malay Literature Text. International Journal of Humanities, Philosophy and Language, (1997), 78–87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>

Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Nur Farahkhanna Mohd Rosli, Azhar Wahid and Ani Omar. (2020). “Malay Authors Strategies in Displaying the Intelligence of the Figures and Its Effects in Traditional Malay Literary Texts” in International Journal of Innovation, Creativity and Change. www.ijicc.net Volume 11, Issue 5

Zakaria, Norazimah et al. (2018). "Sejarah Melayu Sebagai Lambang Tradisi Akal Budi Bangsa Yang Tinggi" dlm *Jurnal Melayu Sedunia*, [S.1.], v. 1, n. 1, p. 191 – 209, sep.
ISSN 2637-0751. Retrieved from
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13389>